



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI  
& ALAM SEKITAR  
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY  
AND THE ENVIRONMENT)  
TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING,  
NO.1, JALAN TUN RAZAK,  
50400 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.



Telefon: 03-40423633/40423657/  
40423658/40425462/  
40425470/40425633  
Telefak: 6-03-40415855

7 Jun 2000

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB  
BIL. 01/2000

### PENGANGKUTAN GAMA PROJEKTOR YANG MENGANDUNGI BAHAN RADIOAKTIF

#### TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen yang terlibat dengan pengangkutan gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif dengan menggunakan kenderaan.

#### LATARBELAKANG


2. AELB telah menerima laporan berhubung dengan ketidakpatuhan pemegang lesen semasa pengangkutan gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif dengan menggunakan kenderaan. Di antara ketidakpatuhan tersebut ialah:-

- a. Terdapat pekerja tidak memakai lencana filem semasa membawa gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif;
- b. Kenderaan yang membawa gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif tidak dilekatkan dengan pekat/stiker ('placard') sinaran; dan
- c. Syarikat hanya menghantar gama projektor sahaja untuk dibuat penyenggaraan.

#### ARAHAN AELB

3. Dengan ini semua pemegang lesen yang terlibat dengan pengangkutan gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a. Setiap pekerja yang membawa gama projektor yang mengandungi bahan radioaktif dikehendaki memakai lencana filem;
- b. Setiap kenderaan yang membawa gama projektor hendaklah mempamerkan pekat/stiker sinaran (lihat Rajah 1); dan
- c. Syarikat dikehendaki menghantar keseluruhan gama projektor (satu set) untuk tujuan penyenggaraan.



Rajah 1 : Pelekat

\*Note : Dimensi minimum ada diberikan; apabila dimensi yang besar digunakan, perkadaran relatif mestilah dikekalkan. Angka "7" hendaklah tidak kurang dari 25 mm tinggi. Warna latarbelakang separuh bahagian atas dan bawah hendaklah kuning dan putih, masing-masingnya. Warna trifoliat dan percetakan hendaklah hitam [P.U(A)456 Peraturan 29].

## PENUTUP

4. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah  
 Bahagian Dasar, Kod & Standard  
 Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
 Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi  
 Batu 24, Jalan Dengkil  
 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan  
 No. Telefon: 03-89225888  
 No. Faks : 03-89223685  
 Email: pbs@aelb.gov.my  
 Laman web: <http://www.aelb.gov.my>